

22 JUN 2001

Umno-Razaleigh

PEMIMPIN YANG DIKRITIK JANGAN CEPAT MELENTING, KATA KU LI

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Tengku Razaleigh Hamzah berkata pemimpin yang dikritik oleh anggota parti tidak harus cepat melenting.

"Teguran sesama anggota parti itu bertujuan memperbetulkan kesilapan dalam parti," katanya.

"Kita bukan maksum (tidak pernah salah), kalau kita selalu buat silap, mesti orang tegur seperti dalam parti yang demokratik macam ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas teguran beberapa perwakilan yang membahaskan ucapan dasar presiden pada perhimpunan agung Umno yang masuk hari kedua di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Teguran daripada perwakilan kali ini tidaklah keterlaluan seperti perhimpunan Umno di masa pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dahulu, kata bekas Menteri Kewangan itu.

Pemimpin perlu sanggup menerima sebarang teguran walaupun dianggap terlalu keras.

"Saya pernah ditegur dulu, macam-macam orang kata kepada saya, curi duit BMFlah, saya diam sahaja, tapi kita kena buat kerjalah, akhirnya rakyat terima kalau kita benar-benar ikhlas," katanya.

Ditanya mengenai spekulasi yang menyatakan beliau merupakan antara orang yang disebut-sebut akan memegang jawatan Menteri Kewangan berikutan perletakan jawatan Tun Daim Zainuddin, Razaleigh berkata ia adalah sesuatu yang ditimbulkan oleh media.

Menurut beliau, ramai di kalangan rakyat Malaysia dan anggota Umno yang layak memegang jawatan itu.

"Saya tak pernah pohon .... Saya menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Banyak orang yang layak dan secocok untuk memegang jawatan itu," katanya.

Jawatan Menteri Kewangan kini dipegang oleh Dr Mahathir berikutan perletakan jawatan oleh Daim pada 1 Jun lepas.

-- BERNAMA

RZS MHI AZZ PR